

25 FEB 1997

DR LING BERIKRAR BERKHIDMAT KEPADA PARTI SELAMA 20 TAHUN LAGI

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berikrar untuk terus berkhidmat kepada parti selama 20 tahun lagi.

"Jika saya terus kekal sebagai presiden parti selama 20 tahun lagi, apa yang kita lakukan adalah lebih baik dan kita akan terus memperbaiki pencapaian," kata beliau pada malam media di Wisma MCA di sini.

Beliau berkata Malaysia menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat kerana banyak faktor.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang disifatkannya sebagai faktor utama bagi pencapaian cemerlang, mempunyai wawasan sebagai pereancang utama kerana di bawah kepimpinannya, Malaysia mencapai kemajuan pesat.

Beliau berkata MCA berharap Dr Mahathir akan terus berada dalam keadaan sihat untuk membolehkannya memimpin negara.

Dr Ling berkata faktor lain ialah rakyatnya, dan kestabilan politik negara yang menaruik pelabur ke negara ini.

Dr Ling, 54, menjadi Presiden MCA sejak 3 Sept, 1986.

Yang turut hadir ialah Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek, setiausaha agung Datuk Dr Ting Chew Peh, naib presiden Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Fong Chan Onn, Ketua Pemuda MCA Datuk Chan Kong Choy dan Ketua Wanita MCA Datuk Teng Gaik Kwan. -- BERNAMA

YBK FAZ